

There are no translations available.

Penggunaan racun perosak pada tanaman merupakan satu topik yang sering diutarakan dalam isu keselamatan makanan. Ia sering diperkatakan samada oleh pihak pengguna mahupun pihak berkuasa. Secara teorinya, terdapat kemungkinan sisabaki racun perosak akan kekal pada tanaman yang disembur dengan racun perosak.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak berkuasa telah menetapkan paras maksimum residu racun perosak yang boleh didapati dalam sesuatu tanaman segar ataupun yang telah diproses.

Analisis residu racun perosak ini melibatkan proses penyediaan sampel bagi menghasilkan ekstrak yang kemudiannya dianalisis ditentukan menggunakan kromatografi gas (GC). Makmal residu racun perosak di SEKSYEN MAKANAN dilengkapi dengan pelbagai jenis kromatografi gas iaitu GC-MS, GC-NPD, GC-ECD, GC-XCD dan GC-FPD.



SEKSYEN MAKANAN menyediakan analisis meliputi sampel-sampel buah-buahan dan sayur-sayuran segar serta yang telah diproses.

- Organofosforus (OP)
- Piretroid sintetik (SP)
- Organochlorine (OC)
- Karbamat

[Sila klik untuk melihat senarai perkhidmatan analisis yang disediakan](#)



[kembali](#)